
Kepada : Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Daripada : Bendahari

Ruj. Kami : UPSI/BEN/PEM/687 Jld. 16 ()

Tarikh : 17 DISEMBER 2020
02 Jamadil Awal 1442

Rekupan Dan Pembekuan Panjar Wang Runcit (PWR) Bagi Tujuan Penutupan Akaun Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman tuan, pihak Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM) telah membuat teguran berkenaan perbelanjaan PWR yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. Sehubungan itu, bagi mengelakkan teguran berulang berlaku pada penutupan akaun bagi tahun ini, Jabatan ini menegaskan agar semua pemegang PWR di Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengambil tindakan berikut:

- i. melulus dan membayar semua permohonan PWR di peringkat PTJ sebelum atau pada 28 Disember 2020 (Isnin),
- ii. membekukan semua pembayaran PWR di peringkat PTJ pada 29 hingga 31 Disember 2020,
- iii. membuat rekupan serta mengepos pendaftaran bil (Billing AP) PWR bagi semua PWR yang telah di bayar oleh PTJ pada 29 Disember 2020, dan
- iv. menghantar dokumen rekupan PWR (Billing AP dan dokumen sokongan) ke Jabatan Bendahari selewat-lewatnya pada 30 Disember 2020.

3. Mohon pihak tuan mengambil tindakan tegas dan segera bagi mengelakkan timbul isu berbangkit berkenaan teguran JANM ke atas PWR bagi tahun ini. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, Y.Bhg.Prof./Dr./Tuan/Puan bolehlah menghubungi pegawai kami iaitu En. Sayed Muhd Arif bin Sayed Yahya (6301) dan En. Nazrul Azlan bin Musa (6330).

Sekian dan segala perhatian serta kerjasama Y.Bhg.Prof./Dr./Tuan/Puan di dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN. HJ. MOHAMED C.A. (M), ASEAN CPA)
Bendahari

s.k Naib Canselor

